

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DR. WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dr. Wan Martina Binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan kini bagi menangani isu kesihatan mental melibatkan ibu muda, remaja dan kanak-kanak yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan percaya dan yakin semua daripada kita terkesan dengan pandemik COVID-19 yang berlaku pada masa ini, kerana ia tidak pernah berlaku sebelum ini. Oleh itu kerajaan melalui pelbagai agensi dan pihak yang memberikan kerjasama sentiasa mementingkan keperluan sokongan psikologi kepada masyarakat yang memerlukan. Bantuan sokongan psikologi ini adalah penting untuk membantu masyarakat merasa lebih baik ketika menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19 dan seterusnya mencapai pertumbuhan positif dan dapat menyesuaikan diri dengan perubahan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Kaunselor sentiasa menggiatkan usaha kesediaan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan sokongan psiko-sosial bagi mengurangkan kesan psikologi yang di alami oleh masyarakat. Perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial telah dilaksanakan secara berterusan sejak bermulanya pandemik melalui pelbagai cara dan medium. Antaranya seperti khidmat sokongan psikologi dalam talian dan program sokongan psiko-sosial melalui media elektronik dan media cetak serta media sosial. Petugas barisan hadapan juga sentiasa menyantuni individu yang terjejas di lapangan akibat COVID-19 bagi memberikan bantuan sokongan emosi dan psikologi.

KPWKM melalui Lembaga Kaunselor telah mendaftarkan kaunselor berdaftar sebagai sukarelawan kaunselor berdaftar. Sukarelawan Kaunselor Berdaftar merupakan satu entiti formal bagi membantu masyarakat menangani isu psikososial dan menyediakan bantuan profesional kepada masyarakat melalui khidmat psiko-sosial di peringkat komuniti dan melaksanakan program sokongan bantu mula psikologi kepada mangsa dan waris yang terkesan.

Sukarelawan Kaunselor Berdaftar terlibat membantu memberikan bantuan psiko-sosial kepada masyarakat melalui saluran YouTube TV yang disiarkan setiap malam untuk membincangkan isu kesihatan mental

serta menyampaikan panduan (tips) untuk masyarakat. Kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk siaran program TV bagi sokongan kaunseling di dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia bermula pada 1 Jun 2021. Lembaga Kaunselor juga telah menyediakan direktori sukarelawan kaunselor berdaftar untuk rujukan masyarakat di semua daerah. Bagi perancangan jangka panjang, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) akan diwujudkan untuk memperluaskan khidmat psikososial setempat.

KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menjalankan **Program Terapi Minda** yang merupakan program latihan kemahiran diri bagi memberi sokongan kepada ahli keluarga dalam menguruskan tekanan dengan lebih berkesan. Program terapi ini membantu meningkatkan daya tahan bagi mengimbangi produktiviti kerja dan kesejahteraan individu, keluarga dan organisasi. Program ini mengaplikasikan pendekatan psikoterapi melalui kombinasi antara minda, jasad dan emosi dalam mencapai kehidupan sejahtera.

Bagi tempoh 2020 sehingga Jun 2021, sebanyak 84 program Terapi Minda telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 2,844 peserta.

LPPKN juga telah memperkenalkan **Talian Tollfree Hotline Family Care (1-800-82-0300)** bagi mendapatkan perkhidmatan kaunselor professional dalam isu kekeluargaan dan perkahwinan. Ia menyediakan perkhidmatan kaunseling yang bersepadu dan mudah diakses secara dalam talian oleh rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan sokongan psikososial.

LPPKN juga dalam perancangan untuk melaksanakan **Program Bantuan Sokongan Psikososial** kepada keluarga yang terjejas daripada pandemik covid-19 terutamanya melibatkan emosi secara berkolarborasi dengan badan bukan kerajaan (NGO) dengan menggunakan peruntukkan PEMULIH bermula hujung tahun 2021 sehingga 2022 yang dijangka akan melibatkan 5,500 buah keluarga dan memberi manfaat kepada 22,000 ahli keluarga.

Selain daripada aspek ibu bapa, remaja juga turut terkesan dengan pandemik COVID-19 ini. LPPKN telah melaksanakan pelbagai program

dalam memastikan kesejahteraan remaja dapat diseimbangkan dalam menangani krisis institusi keluarga. **Perkhidmatan Kaunseling Remaja** dijalankan melalui pendekatan bersemuka dan dalam talian serta menerusi **platform interaktif aplikasi myKafeTEEN** melibatkan sebanyak 2,004 orang klien remaja. Manakala Program Pengurusan Stres Dalam Kalangan Remaja Semasa COVID-19 juga telah dilaksanakan dengan sebanyak 86 program yang melibatkan 1,402 orang remaja.

Memandangkan ramai rakyat yang tertekan kerana masalah kewangan dan kehilangan ahli keluarga akibat pandemik COVID-19, KPWKM juga telah menyediakan program penjana pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1. Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
2. Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)
3. Program Bantuan MyKasih Kapital

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN
BIN HAJI ATAN**

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Jefridin Bin Haji Atan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan domestik yang dilaporkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan apakah tindakan proaktif Kementerian dalam membantu dan menyelamatkan mangsa terutamanya yang melibatkan keganasan secara fizikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga.

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020 ialah 4110 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 ialah sebanyak 4905 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah proaktif yang dilaksanakan oleh KPWKM bagi **membantu mangsa** keganasan rumah tangga ialah:

- a. Mengeluarkan **Perintah Perlindungan Kecemasan/ *Emergency Protection Order (EPO)*** atau membantu mendapatkan **Perintah Perlindungan Interim / *Interim Protection Order (IPO)*** atau membantu **mendapatkan Perintah Perlindungan *Protection Order (PO)***.
- b. Merujuk mangsa untuk **bantuan sokongan di JKM** seperti bantuan kewangan atau merujuk mangsa ke agensi lain yang berkaitan;
- c. Menyediakan perkhidmatan **kaunseling / tele-kaunseling** dikendalikan oleh kaunselor di daerah dan negeri; dan
- d. Mendapatkan **kelulusan pengecualian bayaran ujian pengesanan (*swab-test*) COVID-19** dari Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kemasukan mangsa ke Tempat Selamat dan di penempatan sementara di Tempat Berlindung.

Selain dari itu, pihak kementerian juga mengambil langkah proaktif dalam **membantu masyarakat** mengatasi masalah keganasan rumah tangga melalui:-

- a. Memuatnaik **Video Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)** di media sosial JKM;
- b. **Skwad WAJA** Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) membantu mangsa merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional;
- c. **Menyelaras perkara dan isu berkaitan keganasan rumah tangga** melalui Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga;
- d. Memperluaskan usaha **mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian** melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi “WhatsApp 019-26 15999” bagi masyarakat mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan;
- e. Pemberian **inisiatif Bantuan Prihatin** sebanyak RM8,200 kepada dua buah NGO yang terlibat sebagai Tempat Selamat;
- f. Menganjurkan **22 jerayawara** berkaitan keganasan rumah tangga di peringkat negeri atau daerah dengan kerjasama dengan agensi lain;
- g. **Penyebaran Sistem Pesanan Ringkas (SMS)** Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkenaan keganasan rumah tangga;
- h. Melaksanakan **program psikopendidikan** melalui DeStress Clinic, Klinik Undang-Undang dan Wanita Anti Jenayah;

SOALAN NO. : 26

- i. Bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk menawarkan **program kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan** serta menjadi penghubung kepada industri; dan
- j. Bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam **mewujudkan pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status perkembangan dan garis masa pembentangan Rang Undang-undang Profesion Kerja Sosial bagi melindungi dan menjamin masa depan pekerja sosial di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan sokongan dan komitmen penuh dalam usaha memartabatkan profesion kerja sosial yang bakal mengubah lanskap sosial negara. Pelbagai inisiatif dan usaha telah dilaksanakan dan yang terkini adalah penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUUPKS). Penggubalan draf RUUPKS melibatkan pengumpulan input dan pandangan daripada pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan, badan profesional, ahli akademik dan individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan profesion kerja sosial yang dilantik melalui penubuhan satu pasukan projek khas. RUU PKS kini di **peringkat akhir penggubalan** dan telah dikemukakan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara untuk semakan.

RUU PKS akan dibentangkan di Parlimen setelah segala proses, prosedur dan urusan dokumentasi berkaitan penggubalan selesai dan dimuktamadkan di peringkat Jabatan Peguam Negara seterusnya dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri. Kementerian ini menjangkakan RUU PKS tersebut akan dibentangkan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat pada penghujung tahun ini.

Bagi memastikan profesion kerja sosial di Malaysia lebih meluas dan setanding di peringkat antarabangsa, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga turut melaksanakan inisiatif melalui:

- i) **Pelan Strategik KPWKM 2021 - 2025** di mana salah satu langkah strategik yang dinyatakan dalam dokumen ini adalah untuk menjadikan perkhidmatan kerja sosial sebagai perkhidmatan yang profesional;
- ii) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam proses merangka dokumen *Roadmap to Implement Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards***

Cohesive and Responsive ASEAN Community. Roadmap ini bertujuan untuk dijadikan garis panduan Negara Anggota ASEAN dalam mempromosi kerja sosial serta mempertingkatkan peranan dan kapasiti pekerja sosial dalam pelbagai bidang; dan

- iii) **Penglibatan Malaysia secara langsung dalam penyertaan 10th ASEAN Social Work Consortium (ASWC) Conference** yang diadakan pada 21-22 September 2021. Persidangan ASWC merupakan platform bagi membincangkan isu berkaitan kerja sosial dan profesion kerja sosial di negara-negara ASEAN. Malaysia juga pernah menjadi tuan rumah bagi penganjuran Persidangan ASWC ke-7 dan ke-8 pada tahun 2018-2019.

Sekian, terima kasih.